



ISSN: 823-1160

WARTA UNIVERSITI

Universiti Malaysia Sarawak

Konvokesyen Ke-15 (22-23 Oktober 2011)

KONVOKESYEN KE LIMA BELAS

22 – 23 Oktober 2011 bersamaan 24 – 25 Zulkaedah 1432H

Majlis Konvokesyen ke-15 Universiti Malaysia Sarawak telah diadakan pada 22 hingga 23 Oktober 2011 bersamaan 24 hingga 25 Zulkaedah 1432H bertempat di Dewan Tun Abdul Razak Putra atau ringkasnya DeTAR PUTRA, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan. Majlis penganugerahan ijazah kepada 1651 orang graduan telah diadakan dalam 3 sidang.

Pro Canselor Universiti, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud telah berkenan mempengerusikan Majlis Sidang Pertama pada 22 Oktober 2011.

Pada hari pertama sidang pertama, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud telah berkenan mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah Bidang Pemasaran kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Pemasaran kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan Korporat kepada 26 orang graduan; Ijazah Doktor Falsafah Bidang Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Kejuruteraan Bidang Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Kejuruteraan Bidang Kejuruteraan Sivil kepada 2 orang graduan; Ijazah Sarjana Kejuruteraan Bidang Kejuruteraan Sumber Air kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Kejuruteraan Bidang Pengurusan Pembinaan dan Kontrak kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Kejuruteraan Bidang Persekitaran kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Kejuruteraan Bidang Tenaga kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Kejuruteraan Sivil Secara Kerja Kursus kepada 2 orang graduan; Ijazah Doktor Falsafah Bidang Kesihatan Awam kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Parasitologi Molekular kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Kesihatan Awam (Promosi Kesihatan) kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Kesihatan Awam kepada 6 orang graduan; Ijazah Doktor Falsafah Bidang Pembangunan Sumber Manusia kepada 2 orang graduan; Ijazah Doktor Falsafah Bidang Pembelajaran Kepimpinan kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Bidang Sains Kognitif kepada 5 orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Pembangunan Sumber Manusia kepada 2 orang graduan; Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) kepada 14 orang graduan; Ijazah Sarjana Seni Bidang Muzik kepada satu orang graduan;

Ijazah Sarjana Seni Bidang Reka Bentuk Grafik kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Seni Bidang Pengurusan Seni kepada satu orang graduan; Ijazah Doktor Falsafah Bidang Ekologi Tumbuhan kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Akuatik kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Biologi Molekul kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Biokimia dan Teknologi Bioproses kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Bioteknologi kepada 6 orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Bioteknologi Perubatan kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Bioteknologi Tumbuhan kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Botani kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Ekologi kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Ekologi Kuantitatif kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Ekologi Molekul kepada 3 orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Ekologi Molekul dan Evolusi kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Ekologi Molekul dan Genetik kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Entomologi kepada 3 orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Kimia Analisis kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Kimia Fizikal kepada 2 orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Kimia Hasil Semulajadi kepada 2 orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Kimia Kayu kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Kimia Organik kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Kultur Tisu Tumbuhan kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Mikologi kepada 2 orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Nanoteknologi dan Bahan Termaju kepada satu orang graduan; Ijazah Sains Bidang Sains Akuatik kepada 2 orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Sains Marin kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Taksonomi dan Evolusi kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Zoologi kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Sekitaran (Pengurusan Sumber Air dan Guna Tanah) kepada 7 orang graduan; Ijazah Doktor Falsafah Bidang Sosiologi dan Antropologi kepada satu orang graduan; Ijazah Sarjana Pengurusan Alam Sekitar (Perancangan Pembangunan) kepada 2 orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Sains Komputer kepada 3 orang graduan; Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat Lanjutan kepada 6 orang graduan; Ijazah Sarjana Sains Bidang Linguistik Terapan

kepada 2 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Dengan Kepujian (Ekonomi Industri) kepada 38 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Dengan Kepujian (Ekonomi Antarabangsa) kepada 38 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Dengan Kepujian (Pemasaran) kepada 104 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Kewangan Dengan Kepujian kepada 49 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia) kepada 166 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian (Sains Kognitif) kepada 50 orang graduan dan Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian (Matematik) kepada satu orang graduan.

Pada akhir sidang pertama Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Pro Canselor UNIMAS telah menyampaikan Anugerah Pendidikan DiRaja kepada saudari Khaddraa bt Rajuli, graduan Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia) dan saudari Chua Kim Eng, graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Dengan Kepujian (Kejuruteraan Sivil); Anugerah Canselor kepada saudari Khairunnabihan binti Zainal Abidin, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Kajian Antarabangsa); Anugerah Pro Canselor kepada saudara Donald ak Stephen, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Sains Kognitif) dan Anugerah Khas Senat 2011 kepada saudari Lau Ee Li, graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Dengan Kepujian (Kejuruteraan Sivil); saudari Kiu Pey Jing, graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Sivil) dan saudara Alex Wong Yik Khai, graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Dengan Kepujian (Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan).

Pada hari kedua sidang kedua, YBhg Datu Dr Hatta Solhi, Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS telah menyampaikan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Kepujian (Sains Komputan) kepada 2 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Kepujian (Sistem Maklumat) kepada 8 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Kepujian (Pengkompoteran Multimedia) kepada 12 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Kepujian (Kejuruteraan Perisian) kepada 10 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Dengan

Kepujian (Pengkompoteran Rangkaian) kepada 7 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Bioteknologi Sumber) kepada 87 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Kimia Sumber) kepada 75 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Sains dan Pengurusan Sumber Akuatik) kepada 37 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Sains dan Pengurusan Sumber Tumbuhan) kepada 50 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Sains dan Pengurusan Sumber Haiwan) kepada 38 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian (Muzik) kepada 8 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian (Seni Halus) kepada 29 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian (Teknologi Seni Reka) kepada 88 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian (Sinematografi) kepada 30 orang graduan dan Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian (Pengurusan Seni) kepada 57 orang graduan.

Pada hari kedua sidang ketiga, YBhg Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid, Naib Canselor UNIMAS telah menyampaikan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Dengan Kepujian (Kejuruteraan Sivil) kepada 113 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Dengan Kepujian (Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan) kepada 90 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Dengan Kepujian (Kejuruteraan Elektronik dan Telekomunikasi) kepada 41 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Dengan Kepujian (Kejuruteraan Elektronik dan Komputer) kepada 22 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan kepada 65 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan Dengan Kepujian kepada 35 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Kajian Komunikasi) kepada 27 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan) kepada 27 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Kajian Antarabangsa) kepada 22 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Kajian Politik dan Pemerintahan) kepada 30 orang; Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Perancangan dan Pengurusan Pembangunan) kepada 31 orang graduan; Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Kajian Khidmat Sosial) kepada 30 orang graduan.

Teks Ucapan
YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud
Pro-Canselor Universiti Malaysia Sarawak
Konvokesyen Ke-15
22 Oktober 2011
Sidang Pertama

Yang Berbahagia Datu Dr Hatta Solhi, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid, Naib Canselor UNIMAS

Naib Canselor dan Rektor Universiti-universiti Awam.

Timbalan-Timbalan Naib Canselor UNIMAS.

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

Saudara dan saudari sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah Subhanawata'ala kerana dengan izin-Nya kita dapat berkumpul bersama-sama di Majlis Konvokesyen UNIMAS yang Ke-15 pada hari ini.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada graduan semua. Sudah tentunya, hari ini adalah hari istimewa yang diimpikan sebaik anda menjejakkan kaki ke UNIMAS. Saya percaya, ini merupakan hasil usaha gigih anda selama ini.

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada ibu-bapa, yang datang dari dekat dan jauh, semata-mata untuk bersama-sama meraikan kejayaan anak masing-masing. Tiada yang lebih indah, selain dari melihat hasil segala penat-lelah membesarkan dan mendidik anak-anak dibalas dengan kejayaan sebagaimana kita rai hari ini.

Sekalung penghargaan kepada para pendidik di UNIMAS yang telah memastikan pelajar sentiasa dididik sempurna selain bertungkus lumus menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan penerbitan serta mengharumkan nama universiti. Syabas kepada seluruh warga kerja di UNIMAS, yang telah sama-sama berusaha menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif tersedia untuk para pelajar di sepanjang pengajian mereka di UNIMAS.

Graduan sekalian,

Agenda transformasi Negara merupakan agenda kita semua di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri. Agenda tersebut bermatlamat untuk membangunkan negara dalam pelbagai bidang secara yang lebih menyeluruh dan memastikan tidak ada sesiapa pun yang tersisih daripada pembangunan.

Berdasarkan matlamat murni ini beberapa inisiatif telah diperkenalkan seperti gagasan 1Malaysia, Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Kerajaan (PTK), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Lonjakan Inovasi. Kesemua ini dilaksanakan mencerminkan keikhlasan pihak kerajaan untuk memajukan rakyat tanpa mengira kaum dan negeri. Pada masa sama juga, pembangunan rakyat luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak diberikan penekanan kerana banyak lagi pembangunan asas yang perlu diberikan sesuai dengan keadaan dan saiz negeri yang sangat besar.

Apakah transformasi Negara ini telah sampai ke akar umbi? Ternyata, hari ini jumlah kadar kemiskinan, jenayah, penghayatan transformasi kerajaan dapat ditangani secara lebih berkesan dengan adanya agenda tersebut. Program transformasi ini juga mendapat maklum balas yang positif daripada rakyat.

Di sini saya dapat melihat sumbangan graduan kita bukan sahaja membantu menyumbang kepakaran dalam bidang masing-masing apabila keluar bekerja untuk melaksanakan program transformasi ini, malah berpeluang memberikan maklum balas untuk memperbaiki sistem yang diperkenalkan oleh kerajaan.

Kerajaan pada hari ini lebih terbuka dalam usaha memastikan tidak wujud ketirisan dalam sistem penyampaian kerajaan dan membasmi *little napoleon* sekiranya masih ada dalam kerajaan. Inilah dasar yang perlu kita sokong, dasar yang lebih melihat dan menangani segala permasalahan daripada perspektif yang lebih menyeluruh dan bukannya daripada sudut pandangan sempit dan populis.

Kita sedar sikap '*angry young man* dan *rebel without cause*' memang wujud di kalangan generasi muda. Tapi kita perlu mendekati golongan tersebut dan memberikan *wisdom* kepada golongan tersebut. Sikap mudah terikut-ikut tanpa usul periksa dan mempercayai khabar angin adalah hasil daripada kesan ledakan maklumat. Mereka yang tidak dapat menyaring maklumat dengan baik akan cepat terpengaruh dan kadangkala menimbulkan kekeliruan. Jadi, para graduan sebagai generasi muda hari ini perlulah lebih kritikal dalam menyaring apa-apa maklumat diterima agar tidak terpesong daripada maklumat sebenar.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Sarawak misalnya berjaya keluar daripada belunggu miskin tegar, kadar kemiskinan tegar telah berkurang daripada 60 peratus 30 tahun lalu menjadi hanya 3 peratus sahaja pada hari ini. Ini merupakan suatu pencapaian yang patut kita banggakan

hasil dari proses transformasi pembangunan negeri Sarawak. Dahulu anak-anak tidak kenal universiti, kini universiti dan pendidikan tinggi begitu dekat dalam hati masyarakat.

Kita lihat dahulunya, Kota Samarahan dikatakan sebagai tempat 'jin bertandang' kini berubah wajah menjadi kota ilmu dan pentadbiran yang menempatkan UiTM, UNIMAS, Institut Perguruan Tun Razak, Kompleks INTAN, SALCRA malah pusat membeli belah yang terbesar juga sedang dibina. Pertambahan penduduk juga berlaku secara mendadak. Inilah dikatakan transformasi desa ke bandar baru. Mukah, Bintulu juga kian berubah wajah menjadi pusat industri yang penting yang tidak lama lagi mungkin lebih pesat daripada Kuching dan Miri.

Kini Sarawak memasuki lembaran baru dan membina struktur pembangunan ekonomi global yang memberi fokus kepada industri, bioteknologi dan pelancongan sejajar dengan pembangunan Koridor Tenaga Yang Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Kita ada pembangunan Samalaju di Bintulu dan Tanjung Manis di Mukah yang boleh menarik pelabur sebanyak 300 bilion ringgit yang dapat merencanakan pembangunan ekonomi negeri dengan pelbagai projek yang berskala besar di kawasan perindustrian. Sudah tentu ini memerlukan tenaga mahir seperti para graduan sekalian kerana SCORE memerlukan 52 peratus tenaga mahir berkelayakan.

Kita bertuah kerana wujudnya UNIMAS yang mempunyai persiapan yang lengkap dan rapi dalam membantu mengeluarkan modal insan berkualiti yang diperlukan oleh negara dalam suasana ekonomi yang lebih mencabar. Graduan pula perlu lebih bersedia dengan pendidikan, pengetahuan dan kemahiran untuk mengharungi segala cabaran seumpama ini.

Saya amat yakin UNIMAS dan Koridor Tenaga Yang Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) dapat menyumbang ke arah untuk negara mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi dan negara maju menjelang tahun 2020.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Pada masa sekarang kita banyak berbincang berkenaan transformasi negara dan kesannya kepada pembangunan Negara. Di sini saya ingin menegaskan bahawa kami di pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program pembangunan. Bagaimanapun sehebat mana pun dasar dan program sekiranya tidak difahami dan dihayati oleh masyarakat, maka program dilaksanakan tersebut tidak akan dapat berjaya sepenuhnya.

Umpamanya, Program Inovasi Negara yang bertujuan untuk membina pembangunan insan yang bersifat inovatif tidak akan berjaya sekiranya gagal dihayati akan matlamatnya. Adalah sukar membentuk daya kreativiti masyarakat dalam membangunkan Negara sekiranya tidak memahami Model Inovasi Negara, peranan Majlis Inovasi Negara dan Dasar Inovasi Negara. Sedangkan pembudayaan inovasi mampu membawa Malaysia ke tahap pembangunan dan transformasi yang tinggi bagi mencapai kejayaan lebih besar pada masa hadapan.

Oleh itu, universiti melalui pengeluaran graduan yang inovatif dan penyertaan aktif warga akademik harus menjadi wadah paling berkesan sebagai pemacu utama model baru ekonomi negara. Bukan sahaja penyelidikan yang memerlukan inovasi, malah semua aspek pembelajaran dan penciptaan akan memudahkan proses membudayakan inovasi dan kreativiti dalam kehidupan seharian mampu meningkatkan ekonomi negara dan membina modal insan yang kompetitif. Di sinilah saya ingin melihat universiti berperanan sebagai agen pembangunan negara secara lebih berkesan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Saya ingin merakamkan terima kasih dan bangga dengan penglibatan aktif UNIMAS dalam Projek Pembangunan Wilayah Tengah Sarawak dan telah membuat laporan tenaga kerja yang diperlukan untuk SCORE. Saya percaya, dengan komitmen semua pihak, dan bakal-bakal tenaga muda di Sarawak, termasuk graduan yang ada disini pada hari ini, Wilayah Tengah Sarawak ini mampu muncul sebagai nadi penggerak ekonomi Sarawak.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada UNIMAS kerana berjaya menggabungkan aspek pengajaran dan penyelidikan bagi menjana ke arah negara berpendapatan tinggi. UNIMAS juga amat aktif dalam pembangunan teknologi ICT, tenaga hijau atau tenaga diperbaharui, dan mengoptimalkan industri sago dan pada masa yang sama tidak melupakan pembangunan komuniti luar, bukan sahaja tertumpu di Sarawak malah di peringkat nasional dan *international*. Untuk dikenali di pentas dunia, UNIMAS diseru memperbanyakkan lagi aktiviti penyelidikan yang memanfaatkan *local knowledge* untuk kajian keserjanaan agar dapat dikongsi bersama di pentas antarabangsa.

Di samping itu juga, dicadangkan agar UNIMAS menggunakan data-data alumni dalam memenuhi pasaran kerja sebagai salah satu indeks pencapaian universiti. Pada masa yang sama graduan diseru memberikan maklum balas dan menyumbang kepada pembangunan alma mater mereka sebagaimana lazim dipraktikkan oleh universiti terkemuka dunia seperti di Havard Cambridge dan Oxford.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Tugas universiti dalam membina dan membangunkan modal insan yang beretika, berkemahiran, bertanggungjawab dan komited begitu besar. Tanggungjawab dan amalan yang baik ini perlu dikembangkan dalam kehidupan bermasyarakat oleh para graduan sekalian yang menjadi harapan negara kerana graduan sebagai penerus haruslah bijak memainkan peranan dalam mengaplikasikan tanggungjawab dan amalan yang baik ini di dalam kehidupan bermasyarakat.

Oleh itu, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada graduan sekalian. Semoga kejayaan yang diraih hari ini menjadi asas teguh untuk meneruskan perjalanan hidup ini dengan lebih berkeyakinan. Ingatlah *success is a journey and not a destination. Therefore it can only be achieved with you wanting to take the first step and persevere through hard work.*

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

Teks Ucapan
YBhg Datu Dr Hatta Solhi
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Sarawak
Konvokesyen Ke-15
23 Oktober 2011
Sidang Kedua

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid,
Naib Canselor UNIMAS serta isteri;

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UNIMAS;

Naib-Naib Canselor dan Wakil Universiti Jemputan;

Timbalan-Timbalan Naib Canselor UNIMAS;

Ahli-Ahli Senat UNIMAS;

Barisan Dekan, Timbalan Dekan, Pengarah

Pegawai Pengurusan Tertinggi Akademik dan Bukan Akademik
UNIMAS;

Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin,

Para Graduan, Ibu-Bapa
Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian;

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera***

Selamat datang saya ucapkan kepada semua tetamu, khususnya para graduan dan ibu-bapa yang hadir pada hari yang bermakna dan bersejarah ini.

Syukur kepada Allah Subhanahuwata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat berkumpul dan meraikan para graduan dalam Majlis Konvokesyen Ke-15 Universiti Malaysia Sarawak pada hari ini. Alhamdulillah, seperti yang telah dijanjikan pada tahun lalu, maka pada saat ini kita dapat mengguna Dewan yang baru yang serba indah ini untuk sesi konvo kita pada tahun ini. Dewan ini dinamakan DeTAR sempena dengan nama Perdana Menteri Pertama Malaysia, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Tahniah kepada staf UNIMAS dan mereka yang terlibat kerana dapat memastikan Dewan ini siap dalam masa yang ditetapkan. Para graduan yang hadir adalah graduan yang pertama menerima ijazah masing-masing di dewan ini. Anda adalah orang beruntung !

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada pagi ini; dalam dewan ini kita dapat nampak para graduan dengan jubah akademik serta wajah yang berseri-seri menandakan mereka telah mencapai kejayaan berkat daripada usaha, pahit dan manis kehidupan sepanjang tempoh pengajian di UNIMAS. Di sebalik kejayaan anda adalah sokongan dan doa daripada ibu bapa dan keluarga anda yang sentiasa mengharapkan segala yang diusahakan membuah hasil kejayaan sepertimana yang dapat kita lihat hari ini. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan ucapan Syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan atas kejayaan masing-masing, dan kepada ibu-bapa saya hুলurkan sekalung tahniah kerana telah memberi sokongan dan dorongan yang begitu kuat kepada anak-anak sehingga berjaya.

Kita juga tidak akan lupa jasa para ahli akademik UNIMAS atas penat lelah mereka menaburkan ilmu dan didikan semasa graduan berada di universiti. Saya dimaklumkan bahawa warga universiti memainkan peranan umpama keluarga kedua kepada penuntut-penuntut bagi memastikan para penuntut mereka mendapat didikan yang sempurna dalam disiplin ilmu masing-masing.

Hari ini merupakan hari yang penuh bersejarah kerana kita dapat berkumpul dan meraikan para graduan sebagai satu keluarga besar dalam sistem pendidikan sebelum mereka melangkah ke peringkat seterusnya dalam dunia pekerjaan. Moga-moga ilmu yang dicurahkan dapat dimanfaatkan untuk pembangunan keluarga, masyarakat, bangsa dan Negara yang dikasihi. Sehubungan itu, saya menyeru agar kita terus memberi sokongan, galakan, kritikan yang membina dan nasihat bagi membantu meningkatkan kualiti graduan kita sejajar dengan kualiti sumber manusia yang diperlukan negara.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Lembaga Pengarah di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti yang telah dipinda pada Februari 2009 telah diberi tugas, bersama-sama pihak pengurusan, untuk menggubal dasar dan strategi bagi UNIMAS dengan menggunakan prinsip pentadbiran yang baik dan tulus, seperti mempraktikkan amalan *integrity, accountability and transparency*. Dengan ini kita mengharapkan UNIMAS dapat menjadi pusat ilmu yang

tersohor di rantau ini dan dijauhi daripada unsur-unsur yang boleh menjejaskan prestasi dan imej universiti.

Justeru, pihak Lembaga Pengarah Universiti bersama-sama pihak Pengurusan universiti bergerak aktif dalam usaha membina UNIMAS sebagai sebuah INSTITUSI pengajian tinggi yang sentiasa mencari jalan bagi menambahbaik sistem dan dasar yang sedia ada ke arah sistem dan perkhidmatan yang lebih baik dan telus. *We believe in continuous improvement, even though a little at a time.* Dengan hala tuju strategik, pengurusan pencapaian dan pembinaan kepimpinan universiti yang berintegriti dan profesional, InsyaAllah kita dapat membentuk watak dan reputasi sebuah universiti yang bertaraf dunia. Kesemua ini memerlukan kerjasama warga UNIMAS tanpa mengira kedudukan. Dalam konteks ini, pembinaan sahsiah dalam kalangan pelajar juga dipertingkatkan melalui kepimpinan melalui teladan.

Saya percaya, sejajar dengan dasar Kementerian Pengajian Tinggi dalam penetapan pencapaian melalui *Key Performance Indeks*, prestasi kita dapat diukur secara lebih objektif. Misalnya, apabila kita mensasarkan jumlah pelajar perlu dipertingkat sejajar dengan rasional jumlah peruntukan universiti saban tahun telah berjaya membuka peluang lebih ramai rakyat untuk melanjutkan pengajian di UNIMAS. Sehingga kini jumlah pelajar ialah lebih dari 10 ribu orang yang merupakan satu pencapaian yang kita semua banggakan dan merupakan rekod dalam sejarah kewujudan UNIMAS. Syabas kepada pihak pentadbiran UNIMAS yang telah bekerja keras untuk mendapat bilangan pelajar yang begitu ramai untuk belajar di sini. Dengan bertambahnya bilangan pelajar kita, sudah tentu lebih ramai anak-anak dari luar bandar dari seluruh negara dan keluarga yang berpendapatan rendah dapat berpeluang masuk ke universiti. Sekaligus, dapat membantu meningkatkan persefahaman antara rakyat kita dari berbilang kaum dan negeri dan seterusnya meningkatkan integrasi nasional.

Kesan daripada proses ini, lebih ramai lagi anak-anak dari Semenanjung Malaysia berpeluang melihat dan belajar mengenai kehidupan harmoni di Sarawak berlandaskan konsep 1Malaysia yang sudah lama dipraktikkan di Sarawak. Ia juga memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi di Kota Samarahan, khususnya dan Sarawak amnya melalui penciptaan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada anak-anak tempatan pada masa kini dan masa akan datang. Demikian, antara contoh transformasi yang dapat dihasilkan oleh tindakan yang positif pihak UNIMAS.

Peranan Lembaga Pengarah melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara adalah sebagai *check* dan *balance* dan tadbir urus yang baik yang menjadi agenda utama dalam memperkasakan institusi pengajian tinggi dan memastikan perancangan dan pelaksanaannya selari dengan dasar Pendidikan Tinggi Negara. Dengan tanggungjawab yang lebih besar terutama dalam penilaian pencapaian objektif dan tadbir urus diharap akan dapat memastikan universiti terus mempunyai daya saing yang setara atau lebih tinggi dengan IPTA tempatan dan rantau ini.

Lembaga Pengarah Universiti atau LPU mengucapkan tahniah kepada semua staf UNIMAS yang memperoleh ranking ke 200 dalam ranking universiti di Asia. Dan diharap dapat membaiki lebih baik lagi pada masa akan datang. Usaha dan perancangan strategik perlu lebih dinamik kerana langkah ini juga menjadikan UNIMAS sebagai universiti pilihan ramai yang berpaksikan pembinaan graduan sebagai modal insan berkualiti untuk pembangunan negara.

Untuk menjadi sebuah universiti yang mempunyai *visibility* atau nilai akses yang tinggi aspek keserjanaan merupakan aspek yang penting. Sebuah universiti terkemuka lazimnya mempunyai ikon dalam bidang masing-masing. Saya mengharapkan lebih ramai ikon dalam kalangan akademik dibina agar menjadi kebanggaan kita bersama. Dengan kata lain, seiring dengan *international citation index* di rak perpustakaan, sanjungan masyarakat dalam bentuk kutipan wawancara dalam kalangan pihak media massa dan elektronik membantu meningkatkan *visibility* sesebuah universiti. Penghasilan buku akademik misalnya, dapat mengasahkan keserjanaan seseorang ahli akademik manakala syarahan perdana membuktikan kerelevanan seseorang ahli akademik dalam masyarakat akademik. Hal ini sesuai dengan konsep *"memasyarakatkan ilmu"* dan tugas sebagai intelektual awam ini memberikan taraf yang tinggi dari segi penghormatan dan pengiktirafan masyarakat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Jika kita mengimbuai sejarah, pada tahun 1960-an, seorang Profesor bernama McLuhan yang memperkenalkan istilah Kampung Dunia (Global Village) telah menyatakan *Everything Old Is New Again*. Apakah implikasi pernyataan ini yang dapat kita pelajari? Yang pertama, masa hadapan dapat diramal melalui pembelajaran semasa sebagaimana McLuhan dapat meramalkan dunia 40 tahun akan datang. Yang kedua, kehidupan dan teknologi sentiasa berubah. *Software* atau perisian yang dianggap terkini akan menjadi usang, contohnya hayat model telefon bimbit. Yang ketiga, kita perlu bekerja keras masa kini agar nasib pada masa depan dapat ditentukan oleh kita sendiri. Ingat, *THE FUTURE BELONGS TO THE LEARNERS*. Dengan adanya kemudahan teknologi, kita mengharapkan para graduan agar sentiasa mengemaskini diri kita dengan pelbagai ilmu kerana sebagaimana kata ahli falsafah bernama Francis Bacon bahawa *Knowledge is Power*. Namun ingin juga saya ingatkan hadirin sekalian bahawa *"knowledge without integrity is dangerous and dreadful, also integrity without knowledge is weak and fruitless."*

Justeru itu, sebagai graduan anda diseru bukan sahaja perlu berbudaya ilmu akan tetapi menerapkan amalan integriti dalam diri masing-masing. Anda sebagai graduan perlu menjadikan dua konsep ini sebagai panduan untuk memajukan masyarakat, bangsa dan Negara.

Selain itu, saya menyeru agar para graduan sentiasa meningkatkan *kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran interpersonal dan kemahiran sosial (teamwork)* bagi memberikan nilai tambah yang ada pada diri mereka

untuk mengharungi dunia kerjaya dan kehidupan ini. Penguasaan bahasa Inggeris juga perlu dipertingkatkan tanpa perlu meminggirkan bahasa kebangsaan. Keyakinan tinggi dapat dilihat apabila graduan mempunyai kemahiran tersebut. Selain itu, generasi muda hari ini tidak terlepas daripada gaya hidup baru, iaitu sentiasa berdamping dengan *facebook*, *iphone*, *ipad*, *ipod*, *twitter* dan *blog*. Graduan diseru memanfaatkan teknologi seumpama ini untuk menambahkan ilmu pengetahuan baru dan bukannya sekadar untuk tujuan hiburan semata-mata.

Dan sebelum saya mengakhiri ucapan saya,

Pada kesempatan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua ibu bapa yang hadir di sini pada hari ini untuk meraikan kejayaan anak masing-masing. Marilah kita

sama-sama berdoa dan memberi sokongan agar anak-anak yang graduat pada hari ini akan menjadi sumber manusia yang berguna kepada keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan negara.

Akhir kata, Tahniah dan Syabas! kepada graduan semua. Diharap nama baik UNIMAS akan terus terpelihara melalui ilmu, kemahiran dan sikap yang bakal anda curahkan dalam bidang masing-masing. Kami doakan juga, agar anda akan terus memperoleh kejayaan pada masa akan datang.

Sekian, *wabillahi taufik wahhidayah wasalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih.

Teks Ucapan
Yang Berbahagia
Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid
Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak
Konvokesyen Ke-15
23 Oktober 2011
Sidang Ketiga

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur kepada Allah Subhanawata'ala, kerana dengan limpah kurniaNya dan izinNya, buat pertama kalinya dalam sejarah UNIMAS, kita mengadakan Majlis Konvokesyen UNIMAS yang ke -15 di dewan baru dan indah ini dan kita namakan sebagai Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR Putra) sempena penghormatan kita kepada Bapa Kemerdekaan Negara.

Selamat datang kepada semua hadirin dan salam 1Malaysia saya ucapkan kepada semua tetamu-tetamu kehormat, para ibu-bapa dan wakil media. Terima kasih atas kesudian semua hadirin untuk hadir pada Majlis Konvokesyen kali ini. Dengan kehadiran para hadirin sekalian, akan memeriah dan menyempurnakan lagi Majlis Konvokesyen UNIMAS.

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

Hari ini, mereka akan diraikan bagi mengiktiraf kejayaan mereka dalam menempuhi segala latihan, cabaran dan dugaan yang pelbagai sepanjang tempoh pengajian mereka di UNIMAS. Selepas melangkah keluar dari DeTAR PUTRA ini, mereka secara rasminya akan bergelar graduan dan Alumni UNIMAS. Justeru, saya bagi pihak UNIMAS, ingin mengucapkan tahniah dan syabas! di atas kecemerlangan saudara-saudari menamatkan dengan jayanya proses pembelajaran yang telah disediakan oleh universiti.

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

Pada tahun ini UNIMAS amat berbangga kerana seramai 1,517 orang graduan pra-siswazah dan 134 orang graduan siswazah telah berjaya menempuhi dan menamatkan pengajian mereka. Tahniah saya ucapkan kepada saudara dan saudari sekalian.

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

Selaras dengan visi dan misi UNIMAS, pihak kami telah merancang beberapa inisiatif di samping menempah pelbagai kejayaan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa di usia mudanya yang hampir mencecah 20 tahun.

Salah satu daripadanya adalah mempertingkatkan inisiatif pengantarabangsaan dan hasilnya, beberapa kejayaan UNIMAS telah diiktiraf di peringkat antarabangsa. Sehubungan itu juga, pengambilan pelajar antarabangsa telah meningkat secara drastik yang kini berjumlah 167 orang daripada hanya 6 pelajar antarabangsa sahaja pada tahun sebelumnya. Hakikat ini menunjukkan UNIMAS kini mendapat perhatian kalangan pelajar di luar negara hasil daripada nama baik UNIMAS dalam bidang penyelidikan, akademik dan promosi yang berterusan.

Sidang Hadirin,

Visi UNIMAS adalah, “untuk menjadi sebuah universiti contoh serta diiktiraf di peringkat antarabangsa dan institusi pengajian tinggi yang menjadi pilihan utama golongan pelajar dan akademik melalui pencapaian cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan keserjanaan”. Manakala misi UNIMAS adalah, “untuk menjana, menyebarkan dan menerap ilmu secara strategik dan inovatif bagi memperkasakan kualiti budaya bangsa dan kemakmuran masyarakatnya”.

Selaras dengan misi dan visi UNIMAS, pihak kami juga sedang mempergiatkan usaha memenuhi kehendak semasa universiti untuk menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan globalisasi negara, dengan meningkatkan kapasiti universiti melalui inisiatif pertambahan tenaga kerja, kuantiti dan kualiti pelajar tanpa mengira sempadan tempatan dan antarabangsa. Ini adalah untuk faedah dan kepentingan pelajar secara khususnya dan masyarakat setempat secara amnya.

Semenjak 1993 sehingga 2011, UNIMAS telah mengambil lebih daripada 2000 tenaga kerja yang terdiri daripada kakitangan akademik dan bukan akademik. Manakala bagi jumlah pengambilan pelajar telah bertambah secara drastik bagi semester baru ini berbanding semester-semester yang sebelumnya iaitu sebanyak 3,436 pengambilan pelajar, yang merupakan antara pengambilan terbesar di Malaysia.

Seterusnya, sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

UNIMAS turut menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti kerajaan, swasta dan organisasi-organisasi badan bukan

kerajaan (NGO). Antaranya adalah, UNIMAS telah menjalinkan kerjasama dengan kerajaan negeri membentuk U-SCORE iaitu satu konsortium Institusi Pengajian Tinggi. Objektif U-SCORE adalah untuk mengenalpasti dan merancang pelbagai kursus dan latihan teknikal bagi keperluan perindustrian dalam pelan SCORE (*Sarawak Corridor of Renewable Energy*).

Pada masa yang sama, satu kajian berkenaan pengambilan tenaga kerja yang strategik untuk SCORE kini sedang dijalankan melalui kerjasama kerajaan negeri dan UNIMAS. Segala inisiatif ini bertujuan membantu kerajaan negeri yang berminat menarik dan melibatkan lebih ramai rakyat tempatan yang bekerja di luar negara secara khususnya untuk kembali semula menabur khidmat dan bakti di negeri Sarawak semula, dengan menawarkan pekerjaan yang lebih terjamin, ekonomi yang lebih mantap dan cara hidup yang lebih maju dan selesa.

Sejajar dengan pembangunan SCORE, UNIMAS turut menambah baik serta membangunkan beberapa bidang penyelidikan. UNIMAS telah mengenalpasti 5 bidang penyelidikan khusus yang boleh menjadi teras utama dengan kepakaran-kepakaran yang sedia ada. 5 bidang penyelidikan yang dikenalpasti adalah pengurusan alam sekitar dan biodiversiti (*biodiversity & environmental management*), penyelidikan penyakit berasal daripada tropika & penyakit berjangkit (*emerging tropical & infectious diseases*), pembangunan ICT dan ICT untuk pembangunan (*ICT development & for development*), penyelidikan tenaga boleh diperbaharui atau teknologi hijau (*renewable energy/green technology*), dan reka bentuk perindustrian (*industrial design*).

Melalui teras utama tenaga boleh diperbaharui, pihak UNIMAS melalui CoERE (*Centre of Excellence for Renewable Energy*) dengan dana RM4 juta kerajaan telah berjaya melaksanakan projek '*Rural Electrification*'. UNIMAS turut memeterai perjanjian bersama *Malaysian Genomics Resources Centre (MGRC)* untuk projek *Primates Genome* bernilai RM500 juta. UNIMAS turut berbangga dengan pencapaian CoERI (*Centre of Excellence for Rural Informatics*) mengendali '*Needs Analysis in Developing Telecentre Program for Orang Asli Semenanjung Malaysia*' dibiayai sebanyak RM1.4 juta oleh *Economic Planning Unit [EPU]* di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Dengan 5 teras utama penyelidikan di UNIMAS ini, UNIMAS akan melangkah ke hadapan bersama dalam membangunkan negeri Sarawak dalam kepulauan Borneo yang kaya dengan hasil hutan dan mineral untuk kebaikan alam sejabat. UNIMAS juga berharap penyelidikan yang dijalankan akan dapat membantu masyarakat setempat untuk selari dengan arus kecemerlangan, dari segi perkembangan dan perkongsian ilmu serta penambahbaikan sosio-ekonomi.

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

Imej UNIMAS turut diharumi oleh penglibatan mahasiswa UNIMAS, yang diwakili YDP Majlis Perwakilan Pelajar

sendiri telah menyertai Misi Kemanusiaan ke bumi Gaza Palestine pada Ogos 2011 yang lepas. Ini merupakan contoh yang dapat kita bangga berkenaan kepimpinan melalui teladan kalangan pelajar universiti. Diharap lebih ramai lagi mengambil inspirasi ini dan menyertai misi-misi kemanusiaan antarabangsa pada masa akan datang.

UNIMAS pula sentiasa membantu sedaya mungkin dalam memberi sokongan kepada aktiviti-aktiviti pelajar yang mempunyai pengisian yang berilmiah, hasil yang positif dan membantu kebajikan masyarakat. UNIMAS berhasrat agar pelajar-pelajar di sini mempunyai kenangan yang manis dalam aktiviti bekerjasama dan dilatihkan budaya dan amalan positif melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan atau dilibatkan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Seperti yang anda semua saksikan di sini, kita sekarang berada dalam salah satu prasarana baru iaitu, DeTAR PUTRA (Dewan Tunku Abdul Rahman Putra). DeTAR PUTRA merupakan salah satu prasarana baru yang siap pada tahun ini bersama Fakulti Ekonomi & Perniagaan dan Fakulti Sains Sosial. Menjelang 2012, Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan turut dijangka akan berpindah ke Kampus Barat ini. Selaras dengan itu, UNIMAS akan beroperasi di Kampus Barat secara keseluruhannya.

Selain itu, dua kompleks baru di UNIMAS, iaitu Pusat Islam dan Kompleks Sukan & Rekreasi dijangka akan siap pada tahun 2012. Segala kemudahan ini, akan membantu pelajar-pelajar dan staf-staf bergiat lebih aktif dalam aktiviti riadah, rohani dan kebajikan. Oleh itu, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan persekutuan dalam membantu UNIMAS menjadikan usaha ini kepada satu realiti.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Bagi memperluaskan pengajaran dan pembelajaran yang merupakan teras utama universiti, Pusat Pengajian Pra-Universiti UNIMAS (PPPU) telah diwujudkan semenjak tahun 2010 yang menawarkan program Asasi Sains Hayat dan Asasi Sains Fizikal. Pusat ini ditubuhkan sebagai titian pendidikan di peringkat lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bertujuan memberikan pendedahan awal bagi program-program aliran sains di UNIMAS. Program ini mendapat sambutan yang tinggi.

Pada sesi 2011/2012, PPPU telah berjaya menarik seramai 575 orang pelajar meningkat daripada 232 orang pada sesi sebelumnya. Kenaikan jumlah pengambilan ini membuktikan bahawa masyarakat telah mengetahui tentang kewujudan program asasi di UNIMAS hasil daripada nama baik UNIMAS dan hasil promosi yang dijalankan oleh Universiti.

Bagi makluman hadirin sekalian, Universiti sedang berusaha untuk menawarkan program Asasi Sains Kemanusiaan bagi lepasan SPM pelajar aliran sastera. Sekiranya tiada halangan dan berjalan lancar, program ini dijangka akan mula ditawarkan pada sesi 2012/2013.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Ingin saya luahkan, apa-apa yang telah saya kongsi ini adalah untuk merealisasikan hasrat dan sebahagian besar kejayaan UNIMAS, menjadi mercu tanda bukan sahaja dari segi fizikal, malahan dari segi kecemerlangan di dalam akademik, penyelidikan dan penerapan unsur budaya serta cemerlang di dalam khidmat utama Universiti, iaitu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. UNIMAS akan berusaha dengan lebih giat dan bersungguh-sungguh agar pencapaian yang lebih cemerlang selaras dengan misi dan visi UNIMAS.

Akhir kata, sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada tetamu jemputan kita pada hari ini, tahniah kepada ibu-bapa yang hadir untuk meraikan kejayaan anak masing-masing dan tahniah serta syabas! kepada bakal graduan semua. Semoga ilmu yang diperolehi selama berada di UNIMAS akan dipraktikkan dengan sebaik mungkin di alam pekerjaan kelak dan saya mendoakan agar kalian semua akan terus beroleh kejayaan dalam apa jua bidang yang anda ceburi di masa hadapan.

Sekian, saya sudahi dengan wabillahi taufik wahhidayah wasalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

**Teks Ucapan Wakil Graduan
Konvokesyen Ke-15 UNIMAS
22-23 Oktober 2011**

**Sidang Satu : Saudari Khaddraa Binti Rajuli
Sidang Dua : Saudara Tan Shing Cheng
Sidang Tiga : Saudari Khairunnabihah Bt Zainal Abidin**

****Bismillahirrah-Maanirrahhim***

Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud,
Pro Canselor Universiti Malaysia Sarawak, serta isteri;

Yang Berbahagia Datu Dr Hatta Solhi,
Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, serta isteri;

Yang Berbahagia Profesor Dr Khairuddin Ab Hamid,
Naib Canselor UNIMAS, serta isteri;

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UNIMAS;

Naib Canselor-Naib Canselor dan Wakil Universiti Jemputan;

Timbalan-Timbalan Naib Canselor UNIMAS;

Ahli-Ahli Senat UNIMAS;

Barisan Dekan, Timbalan Dekan serta Pengarah,

Pegawai Pengurusan Tertinggi Akademik dan Bukan Akademik
UNIMAS;

Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin,

Para Graduan, Ibu-Bapa
Tuan-Tuan, Puan-Puan serta rakan-rakan yang saya hormati
sekalian,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera & Salam 1Malaysia.*

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih
kepada pihak urus setia majlis yang telah memilih saya bagi
mewakili rakan-rakan graduan yang lain.

**Barisan tetamu kehormat dan hadirin-hadirat yang kami
sanjungi,**

Pada hari yang amat istimewa dan bersejarah ini, saya ingin
melafazkan rasa syukur kepada Tuhan Yang Maha Esa atas
penghargaan yang diberikan kepada kami pada Majlis
Konvokesyen UNIMAS yang ke-15 ini.

Sejarah tercipta pada hari ini apabila kami menjadi kumpulan
graduan yang pertama melakar sejarah meraikan majlis

konvokesyen di dalam Dewan Tunku Abdul Rahman Putra
(DeTAR Putra) yang tersergam indah ini. Oleh itu, saya ingin
merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada
semua yang hadir untuk meraikan kejayaan kami pada hari ini.

**Barisan tetamu kehormat dan hadirin-hadirat yang kami
sanjungi,**

Kejayaan yang kami kecapai pada hari ini, bukanlah kejayaan
kami semata-mata. Ia adalah milik ramai pihak, baik secara
langsung mau pun tidak langsung.

Kejayaan hari ini juga adalah milik bersama ibu-bapa kami.
Hakikatnya, tanpa dorongan mereka, kami tidak akan berada
disini pada hari ini. Tiada kata yang dapat kami lafazkan, untuk
memberikan penghargaan yang setimpal atas penat-lelah dan
pengorbanan yang telah mereka berikan.

Tidak lupa juga, bagi graduan yang sudah berumahtangga,
kejayaan pada hari ini adalah milik bersama isteri atau suami
masing-masing yang selama ini setia berada di sisi untuk
menyokong perjalanan yang ditempuhi.

Seterusnya, saya ingin melafazkan setinggi-tinggi penghargaan
kepada para pensyarah yang telah berusaha untuk memberikan
kami pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk kami
terus semai dan majukan apabila berada di luar nanti. Segala
usaha dan penat-lelah mereka pasti tidak akan kami lupakan.

Tidak lupa juga, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih
kepada pelbagai pihak dalam universiti, termasuk para
pentadbir dan staf sokongan, yang telah berusaha untuk
menyediakan prasarana yang kondusif sepanjang pembelajaran
kami di sini.

Perlu saya akui sebahagian daripada kami tidak akan dapat
meneruskan pengajian tanpa bantuan kewangan untuk
membiayai keperluan kami di sini. Justeru itu, pada
kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima
kasih kepada badan-badan penaja yang telah memberikan
bantuan kewangan, baik dalam bentuk biasiswa, pinjaman atau
sebagainya. Badan-badan kerajaan seperti JPA, MARA,
PTPTN, dan Yayasan-Yayasan Negeri, serta biasiswa pihak-
pihak industri, dan tidak lupa dana UNIMAS sendiri; terima
kasih pihak kami ucapkan.

Untuk itu, rakan-rakan semua, saya mohon supaya kita semua

sama-sama berdiri untuk memberikan tepukan yang paling gemuruh kepada semua yang telah disebutkan tadi.

(Berhenti berucap sehingga tepukan tamat dan pelajar duduk)

Terima kasih rakan-rakan sekalian.

Barisan tetamu kehormat dan hadirin-hadirat yang saya sanjungi,

Kampus UNIMAS adalah kampus yang warganya terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat etnik. Di sini, UNIMAS telah memberikan kami peluang memahami dan menyelami erti perpaduan yang sebenar. Ini membolehkan kami melihat fahaman dan falsafah kehidupan daripada pelbagai perspektif, sekaligus menjana transformasi minda yang berkesan dan positif. Ia juga menyedarkan kami tentang kepentingan toleransi, keterbukaan dan sikap saling faham-memahami dan hormat-menghormati.

Justeru itu, barisan tetamu kehormat dan hadirin-hadirat yang saya sanjungi,

Kami berbangga bergelar graduan UNIMAS. Dengan pengalaman yang diperolehi, kami percaya bahawa setiap sistem pembelajaran dan aktiviti pengajaran serta kemudahan yang terkini disediakan oleh pengurusan universiti memberikan kami satu bentuk anjakan untuk berjaya di luar sana.

Bimbingan dan kerjasama rapat pihak universiti, dari pengurusan yang tertinggi hinggalah ke bawah, dapat dilihat dalam penganjuran pelbagai aktiviti pelajar di UNIMAS. Ini bagi memastikan bahawa kami, bukan sahaja matang dari sudut pemilikan dan penjaan ilmu; tetapi juga matang dari sudut pengurusan dan hubungan profesional.

Sebagai bakal siswazah dan alumni UNIMAS, kami bersedia untuk terus bersama-sama memajukan universiti yang kami sayangi ini.

Akhir sekali, barisan tetamu kehormat dan hadirin-hadirat yang saya sanjungi,

Kejayaan kami pada hari ini datang bersama harapan dan tuntutan yang amat tinggi. Sebagai golongan berilmu yang telah ditaja oleh rakyat dan negara, sudah tentu harapan adalah untuk kami menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara. Justeru itu, kami berikrar bahawa kami akan terus berjuang dan berusaha, bukan sahaja demi kejayaan masa depan kami sendiri, tetapi juga untuk memastikan kejayaan masyarakat, bangsa dan negara yang tercinta.

Sekali lagi, saya selaku wakil kepada seluruh graduan UNIMAS pada sidang ini, ingin merakamkan penghargaan dan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada tetamu kehormat sekalian, ibu-bapa, serta tuan-tuan dan puan-puan yang hadir untuk meraikan kejayaan kami pada hari ini.

Sekian, *Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih

Senarai Penerima Anugerah Akademik

Anugerah Pendidikan DiRaja

Khaddraa Binti Rajuli
Chua Kim Eng

Anugerah Pro-Canselor

Donald Anak Stephen

Anugerah Canselor

Khairunnabihah bt Zainal Abidin

Anugerah Khas Senat

Lau Ee Li
Kiu Pey Jing
Alex Wong Yik Khai

Penerima Tamalah Penyelidikan Naib Canselor Tahun 2011

Penerima	Fakulti
Nursyuhaida Bt Md Shahid	Fakulti Sains Dan Teknologi Sumber
Ho Licia	Fakulti Sains Dan Teknologi Sumber
Siti Ratna Binti Mustafa	Fakulti Sains Dan Teknologi Sumber
Nurul Aina Binti Mohd Mahayuddin	Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
Ang Hui Mei	Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Lau King Nim	Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Sharifah Azrin-Azalea Binti Wan Zawawie	Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Stephanie Lim Yuan Jiun	Fakulti Sains Sosial
Khairunnabihah Bt Zainal Abidin	Fakulti Sains Sosial
Jacquiline Ebby Ramli	Fakulti Sains Sosial

Anugerah Akademik Fakulti

Anugerah	Penerima	Fakulti
Hadiah Pingat Emas dalam bidang Obstetrik & Ginekologi	Kumarappan a/l Chockalingam	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Anugerah Advanced Medical Optics bagi Kecemerlangan dalam bidang Oftalmologi	Yong Siew Huong	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Anugerah Tan Sri Datuk Amar Dr Sulaiman Haji Daud bagi Kecemerlangan dalam bidang Surgeri	Liang Hui Fen	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Anugerah Puan Sri Datin Amar Naimah Haji Hasbi bagi Kecemerlangan dalam bidang Perubatan	Liang Hui Fen	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
